

29 MAY 2002

PERSIDANGAN SPEAKER SAMBUT BAIK LAWATAN DR MAHATHIR KE VATICAN

KOTA KINABALU, 29 Mei (Bernama) -- Persidangan Speaker-speaker Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia Ke-31 menyambut baik persetujuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menerima undangan menemui Pope John Paul II di Vatican City.

Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail berkata undangan oleh Pope itu membuktikan bahawa dunia mengiktiraf peranan dan keikhlasan Perdana Menteri ke arah membawa kesejahteraan sejagat.

"Kami amat gembira dengan undangan oleh Pope kepada Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan persidangan dua hari itu oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat di sini hari ini.

Pertemuan itu dijadual berlangsung menjelang lawatan Dr Mahathir ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

-- BERNAMA

JS MAI